

Inisiatif Rakan Muda diberi nafas baharu

Perkenal 10 Gaya Hidup selaras cita rasa, minat generasi masa kini

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Bangi: Inisiatif Rakan Muda yang pernah diperkenalkan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) hampir 30 tahun lalu, kini diberi nafas baharu untuk Kerajaan Perpaduan dengan memperkenalkan 10 Gaya Hidup, selaras cita rasa dan minat generasi muda masa kini.

Program cetusan bekas Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Abdul Ghani Othman pada 1994 itu, kini menampilkan inisiatif gaya hidup iaitu Rakan Aktif, Rakan Demokrasi, Rakan Digital, Rakan Ekspresi dan Rakan Litar.

Selain itu, Rakan Mahir, Rakan Muzik, Rakan Niaga dan Rakan Prihatin turut diperkenalkan.

Pelancaran Rakan Muda yang

diberi nafas baharu itu disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, petang semalam.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri yang membahaskan dirinya sebagai 'Pakcik Anwar' mengingatkan anak muda supaya membuat pilihan yang baik, dalam dunia yang semakin mencabar dan banjir pelbagai maklumat di media sosial.

Anwar berkata, kesilapan satu generasi dalam membuat pilihan yang betul akan membawa kesan yang mudarat kepada negara.

"Melalui Kerajaan Perpaduan dengan falsafah MADANI, saya akan berikan apa sahaja sokongan yang perlu.

"Apa yang saya minta, anak-anak peka dalam dunia yang mencabar dan media sosial yang menggugat, anak-anak membuat pilihan yang baik kerana satu kesilapan satu generasi akan menghukum negara ke lembah kehinaan.

"Satu kekuatan yang mampu bangkit oleh generasi baharu ini, percayalah peta dan masa depan Malaysia muncul sebagai negara paling hebat di rantau



Anwar bergambar dengan peserta pada majlis pelancaran Rakan Muda Nafas Baharu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, semalam. (Foto BERNAMA)

ini," katanya.

Selain Abdul Ghani yang turut hadir pada pelancaran itu, majlis itu turut dihadiri Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh dan Timbalannya, Adam Adli Abdul Halim serta Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Melalui pendekatan Malaysia MADANI, Perdana Menteri menegaskan, inisiatif untuk anak muda tidak boleh lagi dibelenggu pemikiran lapuk, terkongkong dan jumud serta boleh memecah-belahkan kaum di negara ini.

Anak muda diberi peluang

Katanya, selepas enam dekad merdeka, masa depan negara terletak di tangan orang muda, yang akan bekerja untuk keamanan, menyelamatkan bangsa serta negara, bukan orang tua yang lapuk pemikirannya.

"Anak muda lemas dengan leteran orang tua. Dia mahu supaya kementerian dan kerajaan ba-

gi ruang kepada dia.

"Program apa yang hendak diadakan (untuk anak muda), nafas baharu apa nak kita perkenalkan, biar anak muda sendiri yang putus dan kita bincang," katanya.

Justeru, Perdana Menteri berkata, melalui inisiatif Rakan Muda yang diberi nafas baharu itu, anak muda diberi peluang untuk memilih sendiri dan mengambil bahagian dalam 10 Gaya Hidup yang diperkenalkan.

"Ini adalah persiapan kepada satu generasi yang mempunyai cita-cita murni, nilai kemanusiaan dan insan yang hormat satu sama lain, yang senang dengan kebaikan, persaudaraan, kemajuan, teknologi baharu, muzik dan hip hop.

"(Selain itu), yang membenci rasuah, hipokrasi dan salah guna kuasa, dan benci dengan orang yang menghina kaum lain.

"Saya rasa lega bila melihat semangat anak muda daripada pelbagai kaum, agama dan dae-

rah datang dengan satu cita-cita, bagaimana kita boleh selamatkan generasi ini, memupuk nilai luhur yang menyelamatkan negara kita," katanya.

Sementara itu, Yeoh berkata, pelaksanaan Rakan Muda yang diberi nafas baharu itu menekankan tiga fokus utama iaitu memperkukuh jenama Rakan Muda menerusi 10 Gaya Hidup yang diberikan nafas baharu itu dan menyerlahkan potensi generasi belia menerusi penterjemahan minat dan kecenderungan positif.

"Fokus lain adalah memberdayakan pendekatan sinergi dengan pelbagai rakan strategik dan kumpulan pelaksana.

"Saya percaya kerjasama strategik ini dapat mewujudkan program yang berteraskan 'Fun, Vibrant dan Meaningful', seterusnya membuka lebih banyak peluang dan ruang kepada penyertaan generasi belia dalam mana-mana program yang dianjurkan," katanya.